

Cabaran jelas menunjukkan parti itu bukan pelbagai kaum — Dr. M

# DAP tidak pentingkan undi Melayu — India

**K**UALA LUMPUR 14 Mei — Cabaran DAP terhadap pemimpin - pemimpin MCA supaya bertanding menentang mereka di kawasan yang majoriti pengundi Cina jelas menunjukkan bahawa parti tersebut bukanlah sebuah parti pelbagai kaum sebagaimana yang ditekankan oleh mereka, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau bertanya apakah ini bermakna parti itu cuma mewakili kaum Cina sahaja sedangkan mereka kata DAP adalah sebuah parti berbilang kaum.

"DAP bersikap seolah - olah undi kaum Melayu dan India tidak penting lagi bagi mereka," ujar Perdana Menteri ketika menjawab satu pertanyaan para wartawan dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat di sebuah hotel terkemuka di sini petang ini.

"Kalau hendak bertanding pilihlah tempat yang taburan semua kaumnya samarata. Apa yang mereka cuba lakukan adalah satu perkembangan yang tidak sihat dalam usaha hendak mengurangkan sikap perkauman.

"Sepatutnya, DAP perlu buat dakwaan bahawa ia tak peduli sama sekali tentang undi bukan Cina kerana dengan cara itu sahaja semua orang boleh tahu kenapakah mereka hendak pertandingan diadakan di kawasan majoriti penduduk Cina," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Mengenai kedudukan Timbalan Presiden MCA, Encik Lee Kim Sai yang telahpun menyerahkan surat perletakan jawatannya

kepada Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, wakil BN tidak boleh meletakkan jawatan mereka selagi tanpa kebenaran Dewan Tertinggi BN.

"Kita belum lagi beri kebenaran kepadanya," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, soal, wakil BN hendak meletak jawatan bukanlah perkara yang dipertanggungjawabkan kepada wakil itu sahaja kerana mereka bertanding atas pilihan BN.

Menurut beliau oleh kerana mereka dipilih oleh BN maka mereka bertanggungjawab terus kepada BN dalam urusan melepaskan jawatan masing - masing.

Menjawab satu soalan beliau menegaskan, jika Encik Lee meneruskan niatnya untuk bertanding tanpa kebenaran BN, beliau akan menghadapi kemungkinan bertanding tanpa sebarang bantuan dari BN langsung.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba yang ditemui di majlis sambutan kelahiran UMNO anjuran UMNO bahagian Kuala Selangor berkata, beliau pada dasarnya tidak setuju diadakan pilihanraya kecil bagi kawasan Parlimen Sepuluh.

Katanya, beliau akan berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad esok untuk berbincang mengenai perkara tersebut dan kemungkinan permohonan permit jika pilihanraya kecil itu diadakan nanti.